**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)**
**BIL. 5-2020/2021**

**TARIKH : 23 FEBRUARI 2021 (SELASA)**
**MASA : 9.00 PAGI**
**TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (Webex)**

| BIL | HADIR | FAKULTI/JABATAN | S/K |
|---|---|---|---|
| 1. | Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim | Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi) | 4/5 |
| 2. | Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid | Sekolah Pengajian Siswazah (SPSKL) | 5/5 |
| 3. | Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz | Sekolah Pengajian Siswazah (SPSKL) | 5/5 |
| 4. | Dr. Norah binti Md Noor | Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) | 4/5 |
| 5. | Dr. Noraliani binti Alias | Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) | 1/4 |
| 6. | En. Asram bin Sulaiman @Saim | Fakulti Kejuruteraan (FE) | 4/5 |
| 7. | Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar | Fakulti Sains (FS) | 1/5 |
| 8. | En. Zurik Azaham bin Aris | Malaysian-Japan International Instituteof Technologi (MJIIT) | 5/5 |
| 9. | En. Abdul Razak Abdul Aziz | Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) | 3/5 |
| 10. | Pn. Khairani binti Ibrahim | Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO) | 5/5 |
| 11. | En. Nasir bin Osman | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR) | 4/5 |
| 12. | Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan | Azman Hashim Business School (AHIBSKL | 4/5 |
| 13. | Cik Hazlina binti Stam | Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) | 5/5 |
| 14. | Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar | Fakulti Sains (FS) | 5/5 |
| 15. | Pn. Hafizah binti Ahmad Pua'at | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR) | 3/4 |
| 16. | Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad | Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) | 5/5 |
| 17. | Pn. Najwa binti Mohamed | Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) | 3/5 |
| 18. | Puan Safriza binti Sabjah | Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) | 5/5 |
| 19. | Pn. Farahana binti Ahmad | Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL) | 1/5 |
| 20. | En. Mohd Zaires Md Daris | Sekolah Pengajian Siswazah | 5/5 |

| BIL | TIDAK HADIR (DENGAN MAAF) | FAKULTI/JABATAN | S/K |
|---|---|---|---|
| 1. | Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil | Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) | 0/5 |
| 2. | En. Khairull Azmi bin Ishak | Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH) | 0/5 |
| 3. | En. Abdul Jalil bin Maulani | Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) | 1/5 |
| 4. | Puan Norharyani binti Hamid | Azman Hashim Business School (AHIBSKL) | 2/5 |
| 5. | Pn. Nor Qamariah binti Othman | Azman Hashim Business School (AHIBSJB) (cuti bersalin) | 2/5 |

| BIL | TURUT HADIR | FAKULTI/JABATAN |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Fadhilah binti Yusof | Fakulti Sains (FS) |
| 2. | Prof. Dr. Ahmad Baharudin bin Abd. Rahman | Fakulti Kejuruteraan (FE) |
| 3. | Prof. Madya Dr. Razali bin Adul Hamid | Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) |
| 4. | Prof. Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi | Sekolah Komputeran (SK) |
| 5. | Prof. Madya Dr. Azlina binti Kosnin | Sekolah Pendidikan (SP) |
| 6. | Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli | Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA) |
| 7. | Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar | Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT) |
| 8. | Prof. Madya Dr. Nor Azwadi bin Che Sidik | Malaysian-Japan International Instituteof Technologi (MJIIT) |
| 9. | Prof. Madya Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali | Malaysian-Japan International Instituteof Technologi (MJIIT) |
| 10. | Prof. Madya Dr. Rohaida binti Basiruddin | Azman Hashim Int. Business School (AHIBSKL) |
| 11. | Prof. Madya Dr. Noriza binti Jamal | Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB) |
| 12. | Prof. Madya Dr. Naz'ri bin Mahrin | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR) |
| 13. | Dr. Usman Ullah Sheikh | Sekolah Kejuruteraan Elektrik |
| 14. | Dr. Asnida binti Abdul Wahab | Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan Dan Sains Kesihatan (SKBSK) |
| 15. | Pn. Nor Kamsiah binti Manan | Urus setia |

| | | |
|---|---|---|
| 16. | Puan Eka Amira binti Rahim | Urus setia |
| 17. | Pn. Sanisah Hussein | Urus setia |
| 18. | Nurul Nadzinah Binti Miran Han | Urus setia |
| 19. | Nur Saffa binti Md Khdis | Urus setia |
| 20. | Cik Nor Anies binti Tilun | Urus setia |
| 21. | Puan Julianah binti Samion | Urus setia |
| 22. | Pn. Noraliza binti Tasiran | Urus setia |

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir pada mesyuarat kali ini. Seterusnya Pengerusi menyampaikan makluman dan perkembangan berkenaan perkara-perkara berikut:

### 1.1 Statistik Graduan Dan GOT Februari 2021

Pengerusi membentangkan statistik graduan pelajar PhD dan graduan GOT bagi bulan Februari 2021. Berikut adalah perangkaan graduan dan graduan GOT bagi bulan Februari 2021 dan ianya terdapat peningkatan yang lebih baik dari aspek GOT. Dari 37 graduan PhD pada bulan Februari seramai 17 pelajar mendapat GOT dan penyumbang tertinggi ialah AHIBS dan Sekolah Pendidikan. Secara keseluruhannya ada peningkatan positif dan selari dengan perangkaan.

Bagi statistik graduan pelajar Sarjana pada bulan Februari 2021 UTM telah menggraduankan seramai 11 orang pelajar dan Pengerusi memohon kerjasama dari fakulti untuk melihat jumlah GOT yang masih rendah. fakulti boleh mempertimbangkan pelajar yang berada pada semester 7 atau 8 yang memerlukan untuk kembali ke kampus bagi kursus penyelidikan.

Mohon juga fakulti menyemak senarai nama pelajar yang diberikan dan sekiranya terdapat sebarang masalah atau maklumat yang tidak benar dapat menghubungi pihak SPS.

**Makluman : Semua**

### 1.2 Kemasukan Semula Pelajar Secara Fizikal

1.2.1 Bermula 1 Mac 2021 pelajar diberikan kebenaran untuk memasuki kampus secara fizikil. Pihak Universiti telah menggariskan 6 kriteria bagi membenarkan pelajar memasuki kampus. Berikut merupakan kategori pelajar yang dibenarkan memasuki kampus iaitu :

i. Pelajar berstatus tidak selesai pada semester II sesi 2019/2020 dan semester I sesi 2020/2021.

ii. Pelajar pascasiswazah yang di tahun akhir mod penyelidikan yang perlu menggunakan makmal. Ini boleh juga melibatkan pelajar sarjana mod penyelidikan yang disebutkan awal tadi.

iii. Pelajar yang mempunyai kursus yang melibatkan PdP fizikal seperti bengkel, studio, makmal atau peralatan khusus.

iv. Pelajar yang menduduki peperiksaan akhir dalam kampus UTM.

v. Pelajar dalam kes-kes khas (selain yang dinyatakan di atas)

vi. Pelajar yang menghadapi pembelajaran yang tidak kondusif seperti masalah internet, ruang belajar di kediaman, keluarga dan lain-lain.

1.2.2 Proses kemasukan yang dikendalikan oleh pihak HEP hanya dimakluman melalui emel dan dikongsikan bersama fakulti. Proses kemasukkan dibuat secara manual melalui emel. Pelajar UG perlu memohon dan mendapat pengesahan dari Penasihat Akademik dan

pelajar pascasiswazah penyelidikan perlu mendapat kelulusan daripada Penyelia Utama tetapi bagi pelajar kerja kursus yang memerlukan penggunaan makmal perlu melalui Pengarah/ Penyelaras kursus program tesebut. HEP akan buat mesyuarat untuk memberi kelulusan pelajar memasuki kampus. Pelajar diminta untuk mengisi HDF selama 3 hari sebelum memasuki kampus dan setelah berada di kampus pelajar akan diletakkan di pusat isolasi selama 10 hari. Di pusat isolasi ada SOP tersendiri dan ada proses *QR Code* setiap hari bagi menjejaki pelajar yang bergejala.

Prof. Madya Dr Aznizam bin Abu Bakar (SKT) bertanya berkaitan *swab test* adakah dilaksanakan di UTM dan adakah peraturan isolasi dilaksanakan bagi pelajar antarabangsa juga. Adakah tatacara ini digunakan bagi pelajar baharu antarabangsa. Beliau juga memohon agar carta alir proses tersebut disediakan di dalam Bahasa Inggeris untuk dimajukan kepada makluman pelajar antarbangsa.

Pengerusi memaklumkan bahawa *swab test* tidak dibuat di UTM tetapi pelajar di letakkan di pusat isolasi dan sekiranya bergejala akan dihantar ke Pusat Kesihatan UTM. Bagi pelajar baharu ada cara yang berbeza iaitu pelajar akan diminta membuat swab test di negara masing-masing dan sesampainya di Malaysia akan tertakluk dengan tatacara MKN. Sekiranya pelajar tidak membuat swab test di negara masing-masing, mereka akan dikenakan isolasi mengikut MKN. Pelajar antarabangsa perlu memohon kemasukan melalui UTM, dan EMGS perlukan bukti penempatan di UTM ini. Walau bagaimanpun, pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat bersama TNCP, pelajar antarabangsa tidak mempunyai keutamaan untuk mereka dapat penempatan di asrama di UTM. Mungkin akan diletakkan di KL Residensi dan kos agak mahal.

Pn Kamsiah binti Manan(SPS) memaklumkan bahawa pusat isolasi hanya untuk pelajar yang tinggal di asrama. Pelajar yang masuk secara harian tidak perlu isolasi dan membuat semakan suhu harian di pintu masuk UTM seperti biasa. Pelajar antarabangsa telah mendapat makluman dari pihak UTMi dan SRAD sebelum masuk ke Malaysia. Proses telah jelas di peringkat itu, hanya yang tidak jelas adalah carta alir selepas mereka selesai isolasi dan akan masuk ke UTM. Mungkin pihak HEP sedang menyediakan carta alir tersebut. Kemungkinan pelajar yang tidak mendapat makluman kerana tidak menggunakan emel rasmi atau tidak berkomunikasi dengan pelajar-pelajar antarbangsa lain. UTMi juga menggunakan medium ISS untuk menghubungi dan memaklumkan pelajar-pelajar tersebut.

Pengerusi memaklumkan jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkenaan kemasukan pelajar antarabangsa boleh terus menghubungi staf yang bertanggungjawab iaitu Pn Punitha dan Prof. Madya. Dr. Mohd Ariffin bin Abu Hassan di UTMi.

**Makluman : Semua**

### 1.3 Pengurusan Akademik

#### 1.3.1 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Semester II Sesi 2020/2021

Pengerusi meminta setiap fakulti mengambil tindakan untuk memuatnaik senarai nama kursus yang akan ditawarkan, jadual dan kaedah PdP untuk semester depan. Kaedah PdP itu perlu juga dipaparkan di applikasi UTM Smart pelajar. Pelajar akan mula mendaftar dan pelajar perlu mengetahui jadual penawaran kursus mereka. Ada sesetengah fakulti yang akan mengadakan PdP sepenuhnya secara dalam talian. Sekiranya setiap kursus sudah mempunyai *link webex* yang digunakan oleh pensyarah mohon untuk meletakkan link tersebut.

**Tindakan : Semua Fakulti**

#### 1.3.2 Tarikh Akhir Menghantar Tesis

Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran tesis adalah pada 11 Mac 2021. Setakat ini masih tidak pasti samada masih ada rayuan dari fakulti untuk pelajar mereka kerana di dalam mesyuarat JKTS yang lepas terdapat 6 kes yang memohon lanjutan hantar tesis atau lanjutan 1 semester. Fakulti perlu ambil maklum dan tindakan untuk membawa kes-kes pelajar yang berada di semester maksimum yang mempunyai masalah berkaitan covid-19 ke mesyuarat JKTS.

Encik Asram (Fakulti Kejuruteraan) memohon kepastian berkenaan lanjutan penghantaran tesis yang dibenarkan samada ianya diberikan lanjutan tempoh satu semester pada sem II sesi 2020/2021 ini atau memadai hanya memanjangkan tempoh penghantaran tesis sahaja.

Mesyuarat bersetuju untuk permohonan tersebut boleh dipertimbangkan dan dibawa serta tertakhluk kepada keputusan mesyuarat JKTS. Pengerusi mencadangkan agar mengikut amalan dan praktis sedia ada iaitu pelajar di semester maksimum perlu menghantar tesis dalam apa jua bentuk selewatnya pada 11 Mac 2021 dan fakulti perlu menentukan samada pelajar tersebut layak untuk memohon pelanjutan dengan berdasarkan kepada perkembangan tesis dan ketulenan alasan yang diberikan adalah berkaitan dengan covid-19. Adalah diingatkan, alasan yang diterima hanya jika ia sememangnya terkesan akibat covid-19 (*genuine case*). Semua permohonan rayuan akan diberi pertimbangan dan ditentukan kelulusannya oleh JKTS.

**Tindakan : Semua Fakulti**

#### 1.3.3 Penajaan

Semester baharu (semester II sesi 2020/2021) akan bermula pada 13 & 14 Mac dan hebahan untuk biasiswa IDF dan NPF akan

dikeluarkan dan pelajar boleh memohon dalam tempoh 14 hingga 28 Mac 2021. Dari masa ke semasa SPS akan buat hebahan dan kerjasama fakulti untuk memaklumkan kepada pelajar.

**Makluman : Semua**

**1.3.4 Status SKPG**

Proses kemaskini status SKPG ini akan berakhir pada 28 Februari 2021. Perkara penting adalah perlu melihat status pelajar yang belum mengisi dan yang belum bekerja. Pelajar juga perlu mengemaskini SKPG ini sekira statusnya telah berubah.

UTMleague telah membantu memuatknaik borang SKPG 2.0 dalam bentuk *google form* untuk fakulti dapatkan maklumat dan saranan oleh TNCA agar fakulti/sekolah mengambil peluang pengisian SKPG ini semasa fakulti meraikan hari graduasi pelajar untuk pelajar-pelajar ini mengisi dan mengemaksini maklumat mereka.

En Zurik Azham bin Aris, Timbalan Pendaftar MJIIT ada meminta UTMIleague agar untuk tujuan SKPG 2.0 ini disenaraikan sekali nombor kad pengenalan pelajar kepada pihak fakulti. Sekiranya didapati pelajar sukar untuk mengisi, fakulti boleh dengan menggunakan kad pengenalan pelajar untuk membantu pelajar mengisikanya bagi pihak pelajar. Pengerusi memaklumkan perkara ini adalah di dalam perhatian Prof. Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus (UTMIleague) dan masih dalam tindakan beliau. Pengerusi bersetuju untuk memanjangkan perkara ini kepada beliau.

**Makluman : Semua**

**1.4 Program Pesisir dan Program Khas**

**1.4.1 *Virtual Program Preview***

Pengerusi memaklumkan bahawa Unit Program Pesisir dan Program Khas, SPS telah membuat *preveiw* dengan beberapa fakulti untuk meningkatkan pelajar pesisir. Dari sesi tersebut, telah dapat membuka 2 pusat baharu iaitu program dari SKT dan SKE. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada fakulti yang berjaya membuka pusat program baharu. Senarai nama pelajar yang berpotensi akan disimpan dan sekiranya cukup pelajar untuk *enroll,* akan buka pusat program tersebut. Buat masa ini SPS ada menyimpan senarai nama program dan senarai pelajar yang berpotensi untuk mengikuti sesuatu program tersebut.

Untuk fakulti-fakulti yang berminat untuk menawarkan program pesisir diminta untuk menghubungi Dr. Noraliani binti Alias, Timbalan Pengerusi (BPPK) yang baharu yang menggantikan Prof. Dr Nazri bin Ali untuk mengetuai Unit Pesisir dan Program Khas.

**Makluman : Semua**

**1.4.2 Jadual Program Pesisir Semester II Sesi 2020/2021**

Jadual kuliah akan bermula pada 24 Februari 2020 dan diharap fakulti telah mengemaskini dan mengemukakan ke unit BPPK SPS.

Pelantikan penyelia akan dilaksanakan pada 1 April 2021 dan perlu patuhi tatacara pelaksanaan dimana setiap penyelia maksimum 4 pelajar. Sebarang penambahan kepada penyelia-penyelia ini, dimohon untuk memaklumkan kepada pihak SPS dan memberikan justifikasi. Ini kerana pengiraan kos telah dilakukan dan sekiranya ada penyelia yang mengambil kurang dari itu akan memberi kesan kepada pengiraan program tersebut. Mohon dimaklumkan awal bagi mengelakkan semasa membuat tuntutan didapati penyelia tiada surat lantikan.

Keperluan untuk pembantu penyelaras program untuk memastikan lantikan pengawas mencukupi. Setiap kursus ada 1 pengawas untuk dibenarkan memantau peperiksaan akhir secara *synchronous* bagi maksimum 30 orang pelajar.

Pelan pengajaran juga perlu diberikan kepada unit BPPK bagi memantau pelaksanaan program pesisir terutamanya setelah semua pelaksanaan diadakan secara atas talian.

**Makluman : Semua**

**1.4.3 ODL**

Pada tahun ini akan dijalankan audit akreditasi penuh dan akreditasi di peringkat pusat iaitu SPS dan QRIM telah bermula. Pada 24 Februari 2021 akan diadakan pra bengkel taklimat dan pengenalan borang-borang proses audit bersama fakulti. Akan diadakan sesi bengkel bagi membantu penyediaan laporan dan dokumen yang berkaitan dengan ODL untuk akreditasi penuh. Proses akreditasi ini akan dijalankan sehingga Oktober 2021 dan Qrim merancang untuk membuat *mock audit*. Pengerusi berharap proses audit akreditasi penuh oleh MQA ini dapat diselesaikan pada Disember 2021.

**Makluman : Semua**

## 2.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PG

Dr Norah binti Md Noor, Timbalan Pengerusi SPS membentangkan pencapaian semakan kurikulum pascasiswazah bagi bulan Februari 2021 seperti berikut:

2.1 Terdapat 192 program yang perlu dijalankan semakan kurikulum.

2.2 Sehingga 8 Februari 2021 hanya 4 fakulti yang belum selesai 100%. Sepatutnya SKA sudah selesai kerana satu program SKA telah dibawa ke JKKU yang lepas. SKT ada 5 program, FABU 5 program dan FTIR ada 4 program dan diharap pada tahun ini dapat diselesaikan 100%.

2.3 Daripada senarai yang dibentangkan sebanyak 175 daripada 192 program membawa 91% program telah selesai hingga JKKU. Beberapa program masih lagi dalam proses di peringkat fakulti.

2.4 4 program telah lulus di peringkat JPT iaitu :
- 2.4.1 Sarjana Sains (Sains Forensik)
- 2.4.2 Sarjana Bahasa Dalam Komunikasi dan Budaya Digital
- 2.4.3 Sarjana Sains (Keselamatan Maklumat) telah ditukar kepada Sarjana Keselamatan Siber
- 2.4.4 Sarjana Kejuruteraan (Mekatronik dan Kawalan Automatik)

2.4.5 Sarjana Pendidikan dari Sekolah Pendidikan telah lulus di JPT pada 23 Disember 2020. Walau bagaimanapun kertas kerja ini dibawa semula pada bulan Mac 2021 untuk konsolodisi kerana semasa kelulusan yang diterima catatan dalam surat kelulusan adalah nama program. Tetapi yang dipohon adalah untuk konsolidasi. Fakulti telah selesai pembetulan di dalam kertas kerja dan dibawa ke JKTS P&P dan akan dibawa ke JPT untuk kelulusan. Selepas ini akan menggunakan satu MQR kod sahaja membawa nama Sarjana Pendidikan.

2.5 Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar, TD SKT memaklumkan Sarjana Alam Sekitar akan masuk JKAF dan akan dibawa ke mesyuarat JKKU.

2.6 Beberapa perkara perlu diambil perhatian, seperti yang sedia maklum pada tahun lepas telah membuat proses pemutihan program merujuk kepada MQR kod di MQA. Pihak QRIM mengenalpasti terdapat program yang tidak didaftarkan di MQA, dimana program perlu mengisi borang D. 22 program daripada 209 belum mendaftar di MQR. Ini perlu dititikberatkan kerana pelajar antarabangsa akan memerlukan pengikitrafan program dan pihak kedutaan akan merujuk kepada sistem MQR dan akan mendapati ada nama program yang tiada di dalam senarai MQR. Kebanyakkan program-program ini telah ditawarkan dan ada surat kelulusan JPT 2001 dan dibawa juga di dalam kertas kerja konsolidasi pada tahun 2014. Sehubungan dengan itu, program-program ini perlu mengisi borang D untuk dibawa ke MQA untuk memohon utk didaftarkan dalam MQR. Berharap pihak fakulti faham bahawa perkara ini sedang di dalam proses dan dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera. Ini penting bagi pelajar-pelajar yang telah bergraduan kerana dikhuatiri sijil yang diterima akan tidak di iktiraf kerana program tersebut tidak di akreditasi.

**Makluman : Semua Fakulti**

2.7 Terdapat beberapa isu program kesilapan di skrol pelajar. Nama program yang didaftarkan tidak sama dengan penganugerahan di skrol pelajar. Isunya adalah sekiranya kesilapan di skrol tidak menganggu proses pendaftaran borang D maka boleh dihantar ke MQA untuk pendaftaran MQR. Masalah utama adalah di Sekolah Kejuruteraan Mekanikal di mana program Sarjana Kejuruteraan (Teknologi Marin) program ini belum didaftarkan di MQR. Oleh kerana skrol adalah salah maka tiada skrol yang boleh dihantar ke MQA bagi mengesahkan pelajar mendapat skrol yang diluluskan oleh JPT. Langkah seterusnya adalah akan ada mesyuarat bersama pihak QRIM untuk membincangkan langkah seterusnya. Satu kertas kerja akan dibuat bagi pembetulan nama penganugerahan di dalam skrol pelajar dan maklumat ini perlu dibawa kelulusannya sehingga ke Senat bagi memastikan pelajar menerima skrol nama yang berbeza tetapi adalah program yang sama diakreditasi.

Untuk makluman ahli mesyuarat penganugerahan perlulah sama seperti yang nama program yang didaftarkan. Mohon fakulti yang mempunyai masalah hendaklah memaklumkan kepada pihak SPS untuk melihat surat kelulusan dan kertas kerja program tersebut.

**Tindakan : Semua Fakulti**

## 3.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL . 4 - 2020/2021

Minit mesyuarat diluluskan dengan cadangan oleh En. Asram bin Sulaiman, Timbalan Pendaftar (FE) dan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat tanpa sebarang pindaan.

**Makluman : Semua**

## 4.0 PERKARA BERBANGKIT

### 4.1 Perkara 14.2 Sijil Joint Degree (Universiti Tsukuba)

Keputusan peperiksaan pelajar telah diperakukan dalam Mesyuarat JKTS P&P pada 18 Februari 2021 lalu dan akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Senat pada 24 Februari 2021. Sijil pelajar akan dijana selepas Mesyuarat Senat.

**Tindakan : MJIIT dan AMD**

## 5.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

Pn Najwa binti Mohamed, Penolong Pendaftar SRAD membentangkan laporan seperti berikut:

5.1 Penawaran pelajar pascasiswazah sehingga 22 Februari bagi ambilan Mac 2021 seramai 2269 pelajar di mana pelajar antarabangsa seramai 1339 pelajar dan pelajar tempatan seramai 930 pelajar

5.2 Penawaran pascasiswazah mengikut jenis program :

5.2.1 Program ODL seramai 78 pelajar

5.2.2 Program pesisir hanya ada 2 program yang ditawarkan dengan jumlah keseluruhan 34 pelajar. Masih lagi menantikan program-program pesisir yang boleh ditawarkan dengan mencukupi 15 maksimum pelajar untuk ditawarkan. Walaupun SRAD memaklumkan permohonan pelajar telah ditutup, sebenarnya SRAD masih lagi menerima sekiranya ada yang berminat.

5.2.3 Program yang ditawarkan adalah bagi pelajar tempatan sahaja. Pihak SRAD memaklumkan tidak menawarkan program ini bagi pelajar antarbangsa.

5.2.4 Pendaftaran pelajar baharu bagi semester II sesi 2020/2021 akan dijalankan secara dalam talian. Namun begitu sekiranya ada pelajar mendatar secara fizikal, SRAD juga akan menerima. Berikut merupakan web pendaftaran pelajar baharu yang disediakan oleh pihak UTM Digital iaitu https//:edaftar.utm.my yang baru sahaja dilancarkan pada 22 Februari 2021. Masih lagi cuba mengatasi masalah yang dihadapi oleh sistem tersebut. Setakat hari ini ada 5 pelajar yang mendaftar secara dalam talian dan dalam proses semakan

ISOP (minggu orientasi pelajar antarabangsa) masih belum mendapat tarikh dari pihak UTMI. Setelah mendapat tarikh tersebut, akan dimaklumkan di dalam web. Pendaftaran pelajar baharu bagi UG dan PG adalah pada 22 Februari 2021 hingga 4 Mac 2021. Bagi pendaftaran pelajar PG tempatan bermula dari 1 hingga 11 Mac 2021. Tarikh taklimat yang dicadangkan untuk fakulti/sekolah dan SPS adalah pada 8 hingga 11 Mac 2021 kerana

kuliah akan bermula di UTMJB 14 Mac 2021 dan UTMKL PADA 15 Mac 2021.

Tarikh akhir pendaftaran pelajar UG dan PG adalah pada 25 Mac 2021. Bagi pendaftaran pelajar penyelidikan sehingga 30 April 2021. Pihak SRAD berharap tiada penyelia yang meminta sistem edaftar dibuka setelah tarikh tamat kerana kesan kepada pelajar yang mendaftar lambat fakulti sukar untuk mengesan pelajar yang tidak daftar kursus dan kerugian semester pelajar. Untuk makluman juga, pada semester II 2020/2021 tiada lagi pengurangan yuran 50% diberikan kepada pelajar penyelidikan yang mendaftar lewat.

Pelajar yang membuat pendaftaran secara dalam talian boleh menggunakan user dan id semasa pendaftaran permohonan di UTM SMART. Sekiranya pelajar antarabangsa melalui agen, agen adalah bertanggungjawab mendaftarkan bagi pihak mereka. Bagi pelajar yang ditawarkan secara terus, mereka tidak mendaftar di UTM SMART.Sehubungan dengan itu, mereka perlu merujuk kepada pihak SRAD untuk mendapatkan user dan id mereka. Hebahan telah pun dibuat kepada pelajar antarabangsa yang mendaftar melalui agen ataupun individu. Bagi pelajar tempatan, tiada hebahan yang dibuat lagi kerana tarikh pendaftarannya bermula agak lewat iaitu pada 1 Mac 2021. Ini memberikan ruang kepada pihak SRAD dan UTMDigital untuk menyelesaikan masalah teknikal yang dihadapi dan berharap sistem akan lebih stabil untuk pendaftaran pada 1 Mac 2021.

Sistem ODL juga menggunakan sistem edaftar yang sama. Untuk makluman, pelajar ODL tidak perlu untuk membuat *medical checkup* dan perkara ini akan dimaklumkan kepada penyelaras. UTM Digital masih belum dapat mengenalpasti pelajar ODL atau pelajar aliran perdana. Oleh yang demikian, apa yang perlu diisi oleh pelajar ODL akan dimaklumkan oleh pihak SRAD kepada penyelaras program.

**Makluman: Semua Fakulti**

5.2.4 Beberapa persediaan pelajar baharu oleh pihak fakulti/ sekolah perlu dibuat seperti yangtelah diemalkan kepada fakulti / sekolah untuk menyediakan jadual, agenda dan pautan sesi taklimat pelajar baharu secara dalam talian. Pihak SRAD akan berkongsi maklumat-maklumat kepada pelajar baharu di dalam satu kit pendaftaran di laman web pendaftaran. Terdapat beberapa fakulti yang belum menghantar maklumat tersebut hendaklah berbuat dalam minggu ini. Fakulti / sekolah juga diminta untuk menyediakan maklumat fakulti untuk dihubungi iaitu nombor telefon, email dan laman web untuk rujukan pelajar.

Fakulti/ sekolah juga diminta mengemaskini maklumat di laman web masing-masing. Satu panduan (kit pendaftaran) pelajar baharu juga perlu disediakan oleh fakulti/ sekolah dan dikemaskini di laman web masing-masing bagi memudahkan fakulti dan pelajar-pelajar baharu.

Selain itu, fakulti/ sekolah juga perlu menyediakan senarai dan jadual kursus methodologi dan kursus elektif di laman web masing-masing.

**Tindakan : Semua Fakulti**

5.2.5 Puan Najwa memaklumkan terdapat fakulti yang bertanya berkaitan isu tersilap memilih pakej yuran. Terdapat 2 jenis pakej iaitu Pakej 1 untuk sepenuh masa dan pakej 2 untuk separuh masa. Mungkin pelajar tidak jelas pemilihan pakej kerana di dalam surat tawaran tidak menyatakan pelajar samada sepenuh masa atau separuh masa. Isu ini telah dibangkitkan dengan Jabatan Bendahari untuk dilihat bersama template yuran dan bagaimana pelajar boleh memahami pakej yang ditawarkan.

Kesilapan dalam bayaran yang dikenakan adalah disebabkan semasa pelajar memilih kelas harian biasa atau hujung minggu di dalam sistem UTM SMART tidak berjaya *sync* di AIMS dan menyebabkan pelajar dikenakan bayaran sepenuh masa. Perkara ini juga telah dibincangkan beberapa kali dengan Jabatan Bendahari dan UTM Digital tetapi masih belum mendapat penyelesaiannya. Pada semester ini pihak SRAD akan menjalankan tindakan jangka pendek iaitu secara manual untuk dikemaskini di AIMS. Selain itu, terdapat juga isu pelajar tidak mendapat ID dan perkara ini juga telah ditekankan beberapa kali dengan pihak UTM Digital. Tindakan jangk pendek yang dilakukan adalah dengan menghantar senarai nama ke UTM Digital untuk memastikan UTM ID sampai ke pelajar.

Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar, TD SKT memohon pihak SRAD agar memberi kelonggaran berkaitan pelajar UG tahun akhir yang sedang menunggu kelulusan senat boleh mendaftar sebagai pelajar PG.

Pn Najwa memaklumkan bahawa pihak SRAD memerlukan surat dari senat adalah kerana pihak SRAD tidak boleh mengenal pasti status pelajar yang telah disahkan oleh senat. Ini kerana terdapat kes yang lepas pelajar setelah disemak masih belum diluluskan oleh Senat.

En. Abd. Razak bin Abd. Aziz, TP AMD memaklumkan di mesyuarat JE TNCA yang lepas telah dipersetujui untuk memberi kebenaran kepada fakulti untuk membuat minit bebas sebelum diluluskan oleh senat. Pihak AMD hanya perlu mengeluarkan surat berkaitan kepada pihak SRAD untuk proses pendaftaran pelajar. Prof. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi, TD FK meminta agar AMD membuat template minit bebas yang selaras dan diagihkan kepada semua fakulti.

Pn Najwa juga memohon agar pihak AMD untuk melihat semula syarat pengeluaran surat Senat kerana terdapat isu pelajar telah pun mendapat kelulusan Senat dan ingin mendaftar ke pengajian seterusnya tetapi hasil semakan masih lagi mempunyai hutang tertunggak.

**Makluman : Semua**
**Tindakan : AMD**

## 6.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

